

LAPAN TAHUN PENERBITAN JURNAL AL-TAMADDUN (2005-2013) (Eight Years Publication of Journal of al-Tamaddun (2005-2013)

Oleh :
Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*
Saudah binti Hassan**

Abstrak

Artikel ini membincangkan perkembangan 8 tahun penerbitan Jurnal al-Tamaddun bermula dari tahun 2005 hingga 2013. Perbincangan mengenai penerbitan jurnal al-Tamaddun menggunakan pendekatan bibliometrik di mana 8 item akan dianalisis yang merangkumi bilangan artikel dalam setiap terbitan, bilangan halaman bagi setiap artikel, bahasa artikel, bentuk penulis, gender penulis, jawatan penulis, penulis prolifik dan institusi tempat bertugas penulis artikel.

Kata kunci: *Jurnal al-Tamaddun, Sejarah Penerbitan Jurnal, Kajian Bibliometrik.*

Abstract

This article discusses the Journal of al-Tamaddun's publication history starting from 2005 to 2013. The discussions employes bibliometric approach in which 8 items were analyzed including the number of articles in each issues, the number of pages for each article, the language of the article , pattern of authorship, gender of the authors, authors' position, prolific authors' and authors' affiliation.

Keyword: *Journal of al-Tamaddun, History of Journal Publication, bibliometric study.*

Pendahuluan

Kajian mengenai penerbitan jurnal telah banyak dibuat oleh penyelidik terdahulu, sama ada kajian berbentuk sejarah penerbitan jurnal atau kajian berbentuk bibliometrik. Kajian seperti ini boleh didapati dalam jurnal mengenai penerbitan dan perpustakaan. Antara jurnal berwasit yang memfokuskan penerbitan kajian mengenai jurnal ialah Journal of Library and Information, Journal of Information yang keduanya diterbitkan oleh Universiti Malaya. Namun kebanyakan kajian yang pernah dibuat lebih tertumpu kepada kajian terhadap jurnal-jurnal saintifik dan kemanusiaan. Amat kurang tumpuan diberikan kepada jurnal pengajian Islam. Dalam sejarah penerbitan jurnal khususnya di Malaysia, jurnal dalam bidang pengajian Islam bukanlah baru diterbitkan. Sebagai contoh, jurnal Usuluddin telah mencapai usianya 23 tahun pada tahun 2015. Lebih awal dari itu Jurnal Islamika dan Jurnal Medium pernah diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Islam dan juga oleh Akademi Islam, Universiti Malaya.

Jadual di bawah menjelaskan bahawa penerbitan jurnal di institusi pengajian tinggi Islam sudah lama diterbitkan dan semua jurnal-jurnal tersebut masih diterbitkan dengan kebanyakannya diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jurnal al-Tamaddun bukanlah antara yang terawal diterbitkan, namun kelangsungan penerbitannya telah berkembang dari terbitan secara sekali setahun kepada terbitan dwi-tahunan.

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, PhD, Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, e-mail: faisal@um.edu.my

** Saudah binti Hassan, calon Sarjana Pengajian Islam di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Nama Jurnal	Penerbit	Tahun Terbit
<i>Jurnal Usuluddin</i>	Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	1993
<i>Jurnal Al-Bayan</i>	Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	2000
<i>Jurnal AFKAR</i>	Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	2003
<i>Jurnal Al-Tamaddun</i>	Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	2005

Jadual 1. Penerbitan Jurnal Dalam Bidang Pengajian Usuluddin, APIUM

Jika ditinjau secara menyeluruh penerbitan jurnal di Malaysia sama ada jurnal ilmiah atau semi ilmiah, terdapat lebih kurang 300 buah jurnal yang merangkumi pelbagai bidang sepertimana yang dilaporkan oleh Perpustakaan Negara¹. Bilangan itu merangkumi keseluruhan jurnal sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Walaupun penerbitan jurnal dalam bahasa Melayu agak terkemudian berbanding bahasa Inggeris, namun sumbangan jurnal berbahasa Melayu juga adalah besar, pemakalah dan rangkuman aspek perbincangannya menyeluruh dan mendalam. Artikel-artikel yang diterbitkan merangkumi artikel yang bersifat teoritikal dan juga empirikal.

Penerbitan jurnal pertama di Universiti Malaya adalah pada tahun 1958. Jurnal awal tersebut bernama *Jurnal Kejuruteraan Universiti Malaya* yang diterbitkan dalam bahasa Melayu. Walaupun nama jurnal tersebut dalam bahasa Melayu, namun artikel yang diterbitkan menggunakan dwi bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.² Setelah itu perkembangan penerbitan jurnal di universiti Malaya semakin rancak sehingga hampir semua fakulti dan akademi di Universiti Malaya menerbitkan jurnal sendiri termasuklah Akademi Pengajian Islam. Antara jurnal yang diterbitkan di Akademi Pengajian Islam ialah Jurnal Usuluddin, Jurnal Fiqh, Jurnal al-Tamaddun dan banyak lagi.

Jurnal al-Tamaddun merupakan jurnal yang diterbitkan oleh Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam pada tahun 2005. Ianya adalah jurnal akademik antarabangsa diterbitkan secara sekali setahun pada tahun 2005, manakala penerbitan dua kali setahun bermula 2012 iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Jurnal al-Tamaddun merupakan jurnal berwaspit dan akses terbuka. Jurnal ini mengandungi artikel dan kajian ilmiah meliputi bidang sejarah Islam, tamadun Islam, pemikiran Islam, sistem-sistem Islam dan perbincangan aspek pembangunan dari perspektif Islam, manakala bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. ia di index oleh *Emerging Sources Citation Index*, *Index Islamicus*, *EBSCOhost*, *UlrichsWeb*, *Open J-Gate*, *DOAJ*, *Malaysian Citation Index (MyCITE)* dan *Malaysian Abstracting and Indexing System (MyAIS)* serta secara tidak langsung oleh *Google Scholar*.³

Sejarah Ringkas Jurnal Al-Tamaddun

Jurnal Al-Tamaddun merupakan jurnal rasmi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jabatan ini mula ditubuhkan pada 15 Januari 1996 hasil dari pensructurutan semula di antara Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dengan Akademi Islam. Jabatan ini adalah salah satu dari 9 jabatan lain yang berada di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹ Mohamad Jajuli Abd. Rahman. 2000. *Penerbitan Jurnal : Pengalaman DBP*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 41

² Roosfa Hashim, 2011. *Pembangunan Jurnal Ilmiah Malaysia 1847-2007*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), 95

³ *Jurnal al-Tamaddun*, <http://e-journal.um.edu.my/publish/JAT/Aabout>, akses pada 20 Julai 2016.

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam mula menerbitkan *Jurnal Al-Tamaddun* pada bulan Disember tahun 2005 dengan kekerapan sekali setahun sehingga setahun 2011. Manakala pada tahun 2012, *Jurnal Al-Tamaddun* mula diterbitkan secara dwi-tahunan. Sehingga kini *Jurnal Al-Tamaddun* sudah diterbitkan sebanyak 14 buah bermula dari Disember 2005 sehingga Disember 2015. Penerbitan *Jurnal Al-Tamaddun* menggunakan tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Namun semua abstrak artikel yang diterbitkan berbahasa Inggeris. Berdasarkan bahasa yang digunakan, penggunaan Bahasa Melayu lebih dominan dari keseluruhan jumlah artikel yang dihasilkan berbanding dengan dua bahasa yang lain.

Antara ketua sidang editor yang banyak menyumbangkan jasa dalam menjayakan penerbitan jurnal al-Tamaddun ialah Dr Ahmad Zaki Brahim @ Ibrahim (2005-2009), kemudian diikuti oleh Dr Mohd Roslan Mohd Nor (2009-2012), setelah itu kepimpinan sidang editor diketuai oleh Dr Aizan binti Ali (2012-2015) dan kini sidang editor diketuai semula oleh Dr Mohd Roslan Mohd Nor (2016-kini). Fokus utama dalam penerbitan *Jurnal al-Tamaddun* sebagai platform perbincangan ilmiah merupakan langkah bijak yang perlu diambil oleh para penyelidik dan ahli akademik bagi mengutarakan pandangan serta idea, juga hasil penyelidikan kedalam bentuk penulisan sebagai bahan bacaan, rujukan, literatur untuk seluruh pengkaji dan pembaca.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian tentang jurnal dalam bentuk analisis bibliometrik bukanlah satu kajian baru, beberapa kajian awal telah dirintis menggunakan ukuran metrik dalam kajian bibliografi. Seperti kajian Lawani, S. pada tahun 1980 mengenai kolaborasi dan citation antara para penyelidik di pusat kajian cancer,⁴ setelah beliau pada 1984, seorang penyelidik berbangsa Rusia bernama Shoyinka menggunakan pendekatan bibliometrik untuk mengkaji penulisan staf kolej perubatan University of Ibadan.⁵ Manakala pada tahun 1991, Robinson, M. D. menganalisis *Journal of the American Society for Information Science*, menggunakan kajian bibliometrik.⁶ Dari kajian lepas yang diperolehi, amat sedikit malah dapatlah dikatakan hampir tiada kajian berbentuk ini diaplikasikan pada jurnal-jurnal dalam bidang pengajian Islam. Saya menemui hanya sebuah artikel sahaja yang membincangkan penerbitan jurnal pengajian Islam menggunakan kaedah ini, iaitu artikel yang ditulis oleh Raihanah Abdullah dan Asmak Abdul Rahman pada tahun 2009.⁷

Kajian Raihanah dan Asmak memilih *Jurnal Syariah* untuk dianalisis menggunakan kaedah bibliometrik. 8 item dianalisis oleh mereka berdua yang merangkumi bilangan artikel dalam setiap terbitan, bilangan halaman bagi setiap artikel, bahasa artikel, bentuk *authorship*, gender penulis, jawatan penulis, penulis prolifik dan institusi tempat bertugas penulis artikel. Artikel ini akan menggunakan item yang sama pernah digunakan oleh Raihanah dan Asmak untuk menilai penerbitan *Jurnal al-Tamaddun* dan memberi gambaran yang jelas tentang bentuk dan subangannya dalam penerbitan karya ilmiah.

⁴ Lawani, S. (1980). Quality Collaboration and Citation in Cancer Research: A bibliometric Study. (Ph.D. Dissertation) The Florida State University, 412.

⁵ Shoyinka, P (1984). Patterns of Journal Publications by Staff of the College of Medicine University of Ibadan. Bulletin of the Medical Library Association, 72, (2), 168-176.

⁶ Robinson, M. D. (1991). Applied bibliometrics: Using citation analysis in the journal submission process. *Journal of the American Society for Information Science*, 42, 308-310.

⁷ Raihanah A. & Asmak A.R. 2009, Fifteen years of *Jurnal Syariah* (1993-2007) : a bibliometric study, *Malaysian Journal of Library & Information Sciences*, Vol. 14, no. 3, Dec 2009

Objektif

Artikel ini akan membincangkan latar belakang ringkas penerbitan Jurnal al-Tamaddun dan menganalisis 8 item yang berkaitan dengan penerbitannya. Item-item yang akan dianalisis ialah (1) bilangan artikel dalam setiap terbitan, (2) bilangan halaman bagi setiap artikel, (3) bahasa artikel, (4) bentuk *authorship*, (5) gender penulis, (6) jawatan penulis, (7) penulis prolific dan, (8) institusi penulis. Setelah 8 item di atas dianalisis dapat memperlihatkan kedudukan jurnal al-Tamaddun samada ianya bersifat tempatan atau antarabangsa.

Data-data mengenai jurnal diambil dari laman sesawang jurnal di alamat <http://ejournal.um.edu.my/publish/JAT/Aabout>. Oleh kerana Jurnal al-Tamaddun bersifat *open access* maka semua penerbitan jurnal dapat diakses pada alamat di atas. Selain itu penerbitannya pada tahun 2005 hingga 2008 masih diterbitkan secara cetakan, rujukan kepada naskhah bercetak juga dibuat pada tahun-tahun yang dinyatakan.

Artikel ini hanya membincangkan penerbitan Jurnal al-Tamaddun selama 8 tahun sahaja, iaitu bermula pada penerbitan awal, Disember 2005 hingga Disember 2013. Lapan tahun dikira dari awal hingga 2013 kerana pada tahun 2006, penerbitan Jurnal al-Tamaddun terbenti selama setahun.

Data Kajian

Tahun	Bil	Vol	Bilangan	Peratus
2005	1	(1)	9	9.18%
2006	-	-	-	-
2007	2	(1)	10	10.20%
2008	3	(1)	11	11.22%
2009	4	(1)	13	13.26%
2010	5	(1)	9	9.18%
2011	6	(1)	9	9.18%
2012	7	(1)	11	11.22%
2012	7	(2)	9	9.18%
2013	8	(1)	9	9.18%
2013	8	(2)	8	8.16%
			98	100%

Jadual 2: Bilangan Artikel Setiap Keluaran (2005-2013)

Jurnal al-Tamaddun merupakan salah satu jurnal yang masih baru diterbitkan, namun, ia mempunyai jumlah artikel yang banyak walaupun baru berusia 8 tahun. Jumlah bagi keseluruhan artikel yang telah diterbitkan sepanjang penerbitannya adalah sebanyak 98 buah artikel. Ini dapat dilihat dalam Jadual 1 diatas. Jadual juga menunjukkan bahawa pada tahun 2006, penulisan artikel telah terhenti, tetapi, ia mula ditulis semula selepas setahun iaitu pada tahun 2007. Pada tahun 2012 pula, jurnal al-Tamaddun mula diterbitkan sebanyak 2 siri setahun. Merujuk kepada jadual diatas, kemuncak bagi penulisan artikel ialah pada tahun 2009 yang merupakan jurnal bilangan ke-4 sebanyak 13 buah artikel. Dapat dilihat dalam jadual 1 bahawa penulisan artikel mula meningkat bermula pada awal penerbitannya, namun, ia mula menurun selepas tahun 2009 dimana penulisan artikel telah berkurang sebanyak 4 buah artikel dan mula meningkat semula pada tahun 2012 menjadikannya sebanyak 11 buah artikel. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat bertahan lama apabila keluaran jurnal bilangan ke-7 siri kedua yang diterbitkan pada hujung tahun 2012 mula menurun sehingga keluaran yang terbaru iaitu keluaran pada tahun 2013.

i. **Ketebalan halaman artikel**

Tahun/Halaman	1-15	16-20	21-25	26-30	31-35	36-....
2005 – Bil. 1	-	-	-	-	-	-
2006	-	-	-	-	-	-
2007 – Bil. 2	1	1	5	2	-	-
2008 – Bil. 3	-	5	2	3	1	-
2009 – Bil. 4	5	3	-	-	2	-
2010 – Bil. 5	3	2	3	1	-	-
2011 – Bil. 6	3	2	2	1	1	-
2012 (I) – Bil. 7	7	2	2	-	-	-
2012 (II) – Bil. 7	4	2	1	1	-	1
2013 (I) – Bil. 8	6	3	-	-	-	-
2013 (II) – Bil. 8	4	1				
Jumlah & Peratusan	33 (40.24%)	21 (25.60%)	15 (18.29%)	8 (9.75%)	4 (4.87%)	1 (1.21%)

Jadual 3 : Ketebalan halaman artikel

Jadual 2 menunjukkan ketebalan bagi halaman artikel yang telah diterbitkan sepanjang 8 tahun penerbitannya. Setiap artikel yang ditulis mempunyai perbezaan dalam ketebalannya. Terdapat penulis artikel yang hanya menulis sebanyak 7 halaman, dan terdapat juga penulis yang menulis sehingga 38 halaman dan seterusnya. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi akan ketebalan halaman artikel. Sebagaimana yang ditunjuk dalam jadual, para penulis artikel lebih gemar menulis artikel yang ringkas dan tidak panjang. Kebanyakan penulis menggunakan ketebalan halaman artikel 1-15 halaman berbanding 26 halaman ke atas. Purata artikel yang ketebalannya 1-15 mencapai 40.24% berbanding dengan artikel berketalan 16-20 halaman hanya 25.60% sahaja, manakala ketebalan dari 21-25 halaman hanya 18.29% diikuti 26-30 halaman hanya 9.75%. Semakin tebal halaman artikel, semakin kurang bilangannya yang ditulis. Hanya terdapat satu artikel sahaja yang diterbitkan lebih dari 35 halaman.

ii. **Penggunaan bahasa dalam artikel**

Tahun/Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Arab
2005 – Bil. 1	-	-	-
2006	-	-	-
2007 – Bil. 2	8	1	1
2008 – Bil. 3	8	2	1
2009 – Bil. 4	10	-	3
2010 – Bil. 5	7	1	1
2011 – Bil. 6	5	2	2
2012 (I) – Bil. 7	7	3	1
2012 (II) – Bil. 7	4	4	1
2013 (I) – Bil. 8	7	2	-
2013 (II) – Bil. 8	6	2	-
Jumlah	62	17	10

Jadual 4: Bahasa Artikel

Jadual 3 menunjukkan tentang penggunaan bahasa yang digunakan dalam penulisan artikel. Jurnal al-Tamaddun menggunakan tiga jenis bahasa penting iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa

Arab. Berdasarkan kepada jadual di atas, penulis artikel banyak menulis dalam Bahasa Melayu berbanding dua bahasa lain iaitu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Ia dapat dilihat penggunaan Bahasa Melayu mendominasi penulisan artikel sepanjang penerbitan Jurnal ini melebihi 50% daripada bahasa lain. Walau begitu, penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab masih lagi digunakan dan dapat dilihat penggunaannya walaupun tidak banyak. Penulisan artikel dalam Bahasa Melayu yang tertinggi ialah pada tahun 2009 sebanyak 10 buah artikel. Manakala penggunaan bahasa Inggeris yang tertinggi ialah sebanyak 4 buah artikel pada tahun 2012, bil. 7 (II). Bagi penggunaan bahasa Arab yang paling banyak pada setiap keluaran ialah 3 buah artikel pada tahun 2009.

iii. Pola penulisan artikel

Tahun/Bilangan Penulis	Seorang	Dua orang	Tiga orang	Lebih dari tiga orang
2005 – Bil. 1	-	-	-	-
2006	-	-	-	-
2007 – Bil. 2	8	2	-	-
2008 – Bil. 3	6	10	-	-
2009 – Bil. 4	8	10	-	-
2010 – Bil. 5	6	2	3	4
2011 – Bil. 6	5	6	-	5
2012(I) – Bil. 7	4	14	-	-
2012(II) – Bil. 7	5	6	3	-
2013(I) – Bil. 8	4	8	3	-
2013(II) – Bil. 8	4	4	6	-
Jumlah	50	62	15	9
Peratus	36.76%	45.58%	11.02%	6.61%

Jadual 5: Pola penulisan artikel

Pola penulisan artikel dilihat dengan membahagikan penulis kepada empat kategori. Sepertimana yang dilihat dalam Jadual 4, pembahagian tersebut dilakukan untuk melihat kategori manakah yang lebih dominan. Jadual 4 menunjukkan para penulis artikel lebih ramai menulis secara berpasangan atau berkumpulan berbanding menulis secara solo. Namun, ia tidak dapat disangkal sekiranya penulis-penulis lebih gemar menulis secara solo kerana perbezaan antara penulis secara individu dan berpasangan tidak begitu ketara. Walau bagaimanapun, terdapat juga penulis yang menulis melebihi 2 orang atau lebih namun bilangan mereka tidak ketara, hanya sekitar 6.61% sahaja. Hanya terdapat pada keluaran bil. 5 dan 6 sahaja artikel yang ditulis oleh penulis berkumpulan yang bilangan mereka melebihi 3 orang. Penulisan bersama secara berdua lebih dominan dalam jurnal al-Tamaddun sehingga mencapai 45.58%. Artikel yang ditulis bersama secara berdua kebanyakannya ditulis oleh penyelia dan pelajar ijazah tinggi dari Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Artikel tersebut adalah hasil penyelidikan yang dilakukan bersama samada dari penyelidikan yang diketuai oleh pensyarah atau penyelidikan yang diselia oleh pensyarah berkenaan.

iv. Gender penulis artikel

Tahun/Jantina	Lelaki	Wanita
2005 – Bil. 1	9	4
2006	-	-
2007 – Bil. 2	8	3
2008 – Bil. 3	12	4
2009 – Bil. 4	14	4
2010 – Bil. 5	10	4
2011 – Bil. 6	11	5
2012(I) – Bil. 7	14	4
2012(II) – Bil. 7	10	4
2013(I) – Bil. 8	11	4
2013(II) – Bil. 8	7	7
Jumlah/ Peratusan	106(71.14%)	43(28.85%)

Jadual 6: Gender penulis artikel

Jadual 5 pula menunjukkan gender penulis artikel. Kebanyakan artikel yang diterbitkan ditulis oleh penulis lelaki berbanding penulis wanita. Nisbah penulis lelaki adalah 71.14% dan 28.85% sahaja bagi wanita. Perbezaan tersebut sangat ketara dilihat. Sebagai contoh, gender lelaki yang tertinggi adalah pada tahun 2009 dan 2012 bagi keluaran siri pertama. iaitu kedua-duanya seramai 14 orang. Manakala penulis wanita pula, pencapaian paling tinggi pada tahun 2013 bagi keluaran siri kedua bil. 8 iaitu sebanyak 7 orang dimana gender lelaki juga adalah 7 orang.

v. Kekerapan penulis dalam menulis artikel

Penulis	Jumlah artikel yang disumbang
Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim	8
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid	8
Mohd Roslan Mohd Nor	7
Abdullah Yusof	5
Norhayati Hj Hamzah	4
5 orang penulis	3
13 orang penulis	2
74 orang penulis	1

Jadual 7: Senarai penulis yang paling banyak menyumbang penulisan artikel

Dalam Jadual 6, berikut merupakan senarai para penulis yang telah banyak menyumbang artikel mereka dalam keluaran jurnal pada tahun 2005 hingga 2013. Sumbangan artikel yang paling banyak ialah 8 buah artikel yang ditulis oleh Dr Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim dan juga Dr Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. Kedua-dua penulis ini seringkali dijumpai artikel mereka dalam setiap terbitan bermula tahun 2005 lagi. Penulis yang menulis sebanyak 7 buah artikel pula ialah Dr Mohd Roslan Mohd Nor yang mula diterbitkan artikel beliau pada keluaran yang ketiga tahun 2008. Bagi penulis wanita pula ialah Pn. Norhayati Hj Hamzah yang telah menulis sebanyak 4 buah artikel. Sebelum beliau, Dr Abdullah telah menulis sebanyak 5 sejak dari keluaran pertama lagi. Kesemua penulis yang disebut diatas merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Penulis-penulis lain kebanyakan mereka menulis sebuah atau dua buah artikel seperti yang terdapat dalam Jadual 7 yang menunjukkan seramai 13 orang yang menulis 2 artikel dan 74 orang penulis menyumbangkan sebuah artikel sahaja.

vi. Jawatan yang disandang

Tahun/Jawa tan	Profesor Emeritus	Profesor	Prof. Madya	Penolong Profesor	Pensyarah	Siswazah	Lain-lain
2005 – Bil. 1	-	-	-	-	-	-	-
2006	-	-	-	-	-	-	-
2007– Bil. 2	-	1	1	-	9	-	-
2008– Bil. 3	-	1	2	-	9	3	1
2009– Bil. 4	-	1	2	-	12	3	-
2010– Bil. 5	-	-	4	1	7	1	2
2011– Bil. 6	-	-	2	1	11	2	-
2012(I) – Bil. 7	-	1	-		8	4	2
2012(II)– Bil. 7	1	-	1	1	8	1	2
2013(I) – Bil. 8	-	-	2	-	8	4	1
2013(II)– Bil. 8	1	-	-	-	9	1	-
Jumlah & Peratusan	2 (1.52%)	4 (3.05%)	14 (10.68%)	3 (2.29%)	81 (61.83%)	19 (14.50%)	8 (6.10%)

Jadual 8: Jawatan

Seterusnya ialah jadual yang menunjukkan jawatan yang disandang oleh para penulis. Kebanyakan penulis yang menulis artikel adalah terdiri daripada para pensyarah universiti. Seramai 81 orang iaitu 61.83% dari mereka adalah pensyarah. Hanya 2 orang Profesor Emeritus dan 4 orang Profesor sahaja yang menulis dalam Jurnal al-Tamaddun. Ini menunjukkan bahawa pensyarah sangat aktif dalam bidang penulisan sekaligus menonjolkan diri mereka dalam bidang kajian mereka. Bilangan Prof. Madya yang menyumbang dalam Jurnal al-Tamaddun agak besar iaitu 14 orang yang mewakili 10.68%. para pasca- siswazah merupakan kedua yang tertinggi seramai 19 orang.

vii. Institusi penulis artikel

Nama institusi/ Tahun	2005 (Bil.1)	2006 (Bil.2)	2007 (Bil.3)	2008 (Bil.3)	2009 (Bil.4)	2010 (Bil.5)	2011 (Bil.6)	2012 (Bil.7-I)	2012 (Bil.7-II)	2013 (Bil.8-I)	2013 (Bil.8-II)
UM, KL		7	12	12	11	11	11	14	6	11	5
UM, Nilam Puri				3	1						
UKM			1	2	1			1	1		3
UM, Malang			1								
Universiti Damsyik				1							
USIM							1				

USM						1				1
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei						1				
National Taiwan University						1				
Universiti Lagos, Nigeria						1		1	1	
Al-Balqa' Applied University, Jordan				1	1		1			
University Qatar					1					
University of Ilorin, Nigeria							1			
IAIN, Indonesia							1	1		
Nanyang Technology University, Singapore							1			
United International University, Bangladesh								1		
Al-Quds University								1		
UPM								1		
UniSZA									2	
Kogi State University, Nigeria										1
Universiti Utara Malaysia		1							1	
UiTM		1								
Universiti Kuala Lumpur		1								
UIAM		1								
Lain-lain			1					1	1	
Jumlah		11	13	18	15	16	18	13	16	11

Jadual 9: Institusi penulis artikel

Jadual seterusnya ialah mengenai institusi-institusi yang diwakili oleh para penulis. Penglibatan pelbagai institusi dalam keluaran jurnal al-Tamaddun ini menunjukkan sikap keterbukaan sidang editor kepada penulis-penulis lain. Walaupun Universiti Malaya mencapai kedudukan tertinggi di mana hampir keseluruhan artikel-artikel yang ditulis adalah dari Universiti Malaya samada UM, Kuala Lumpur atau Nilam Puri. Namun begitu, penglibatan yang aktif dari institusi-institusi lain juga dapat dilihat pada penulis-penulis yang datang dari pelbagai universiti, antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia juga kerap menyumbang artikel. Selain UKM terdapat beberapa penulis dari institusi

pengajian tinggi terkemuka samada dalam dan luar negara turut menyumbang artikel dalam Jurnal al-Tamaddun.

Perbincangan

Analisis daripada data-data yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa jurnal al-Tamaddun selama 8 tahun penerbitannya sejak tahun 2005 hingga tahun 2013 dapat disimpulkan seperti berikut :

Bilangan artikel yang diterbitkan pada keluaran pertama tahun 2005 adalah sebanyak 9 artikel. Bilangan itu berterusan pada keluaran berikutnya dan bertambah banyak pada keluaran 2007, 2008 dan 2009. Peningkatan ini memperlihatkan wujudnya kolaborasi antara penulis dari berbagai institusi pengajian tinggi. Ianya juga menjadi bukti bahawa kewujudan Jurnal al-Tamaddun sebagai satu medium perkongsian ilmu dan hasil penyelidikan di kalangan ilmuan dan mahasiswa mula dikenali atau popular.

Populariti Jurnal al-Tamaddun di kalangan ilmuan dapat diukur dengan bilangan pelawat yang mengunjung website al-Tamaddun dan bilangan artikel yang dimuat turun. Sebagai contoh perbandingan pada 20 Jun 2016, bilangan pelawat yang melawat website Jurnal al-Tamaddun adalah seramai 1862 dan bilangan artikel yang dimuat turun adalah sebanyak 8048⁸ berbanding dengan Jurnal Usuluddin yang hanya menerima bilangan pelawat sebanyak 1212 dan bilangan artikel yang dimuat turun hanya 2135 kali sahaja⁹ sedangkan Jurnal Usuluddin merupakan jurnal induk dalam bidang pengajian usuluddin di Universiti Malaya dan ianya jauh lebih awal diterbitkan berbanding Jurnal al-Tamaddun.

Peningkatan bilangan penyumbang artikel dalam Jurnal al-Tamaddun didorong juga oleh kedudukan jurnal al-Tamaddun dalam indeks jurnal samada dalam indeks tempatan atau antarabangsa. Setakat ini, Jurnal al-Tamaddun telah diindeks dalam 9 indeks, antaranya *Emerging Sources Citation Index*, *Index Islamicus*, *Open J-Gate*, *DOAJ*, *Malaysian Citation Index (MyCITE)* dan *Malaysian Abstracting and Indexing System (MyAIS)* serta secara tidak langsung oleh *Google Scholar*.

Penggunaan bahasa Melayu yang dominan dalam Jurnal al-Tamaddun boleh membataskan cakupan pembacanya, walaupun semua abstrak artikel yang diterbitkan ditulis dalam bahasa Inggeris namun kandungan artikel yang berbahasa Melayu itu akan mengecilkan bilangan pembacanya. Tidak dinafikan bahawa masih terdapat artikel yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan Arab dalam Jurnal al-Tamaddun namun nisbahnya masih kecil iaitu 17% dalam bahasa Inggeris dan 10% dalam bahasa Arab berbanding 62% dalam bahasa Melayu. Jika nisbah penggunaan bahasa utama itu dapat diubah, pastinya kedudukan Jurnal al-Tamaddun akan lebih terserlah. Namun begitu, artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu tidaklah hanya tertumpu kepada bidang sejarah atau tamadun Islam sahaja, malah merangkumi hampir semua bidang ilmu yang berkaitan dengan Islam.

Kolaborasi penulis artikel dalam Jurnal al-Tamaddun lebih cenderung untuk berkongsi penulisan secara dua orang berbanding menulis secara solo atau ramai-ramai. Ini mungkin kerana tradisi penulisan dalam bidang pengajian Islam lebih cenderung untuk menulis secara solo atau berdua sahaja. Fenomena ini ketara jika dilihat pada jurnal-jurnal lain dalam bidang pengajian Islam. Setelah beberapa pendekatan kajian sains tulen mula diperkenalkan dalam bidang pengajian Islam maka artikel yang dihasilkan secara kolaborasi ramai penulis mula di terima. Namun begitu sikap berhati-

⁸ <http://www.myjurnal.my/public/browse-journal-view.php?id=67>. Journal of al-Tamaddun di wesite myjurnal, diakses pada 20 Julai 2016

⁹ <http://www.myjurnal.my/public/browse-journal-view.php?id=234>. Journal of Usuluddin di website myjurnal, diakses pada 20 Julai 2016

hati di kalangan ilmuan Islam tentang budaya baru ini menjadikan mereka lebih selesa menulis secara solo atau berdua, walaupun terdapat 15 artikel yang ditulis secara bertiga namun nisbahnya hanya 11.2% sahaja. Seperti yang dikatakan di atas, fenomena menulis bersama secara kumpulan belum menjadi budaya yang boleh diterima di kalangan ilmuan Islam walaupun ianya bukanlah suatu yang salah.

Kebanyakan penyumbang artikel dalam Jurnal al-Tamaddun terdiri dari pensyarah muda atau Prof Madya dari pelbagai instituis pengajian tinggi. Ini memperlihatkan bahawa dua golongan pensyarah ini lebih aktif menulis berbanding pensyarah bertaraf profesor atau pembantu pensyarah (tutor). Jurnal al-Tamaddun juga menjadi sasaran kepada dua golongan ahli akademik ini untuk menerbitkan hasil tulisan mereka samada dalam bentuk tulisan teori atau hasil kajian. Pensyarah lebih mendominasi bidang penulisan ilmiah dalam sesbuah institusi adalah disebabkan beberapa faktor pendorong, antaranya kenaikan pangkat.¹⁰ Oleh kerana bidang pengajian sejarah Islam dan tamadun itu meluas yang memungkinkan ramai para pensyarah menyumbang tulisan mereka maka Jurnal al-Tamaddun menjadi pilihan utama mereka.

Penutup

Lapan tahun perkembangan Jurnal al-Tamaddun telah memperlihatkan keupayaannya untuk menjadi medium pertemuan antara ilmuan Islam dalam pelbagai bidang dengan pencinta ilmu. Ketua sidang editor Jurnal al-Tamaddun bermula dari Dr Ahmad Zaki, Dr Mohd Roslan dan diikuti oleh Dr Aizan bersama dengan semua sidang editorial yang lain berjaya membawa jurnal ini ke arah mencapai matlamatnya yang digariskan “Our aims is to foster excellent research in Islamic history and civilization. It covers multi-disciplinary study of Islam and Muslim.”¹¹

Masih terdapat beberapa elemen yang boleh diperbaiki dalam mengekal dan mempertingkatkan mutu penerbitan Jurnal al-Tamaddun seperti nisbah penggunaan bahasa antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Arab. Selain itu, peningkatan nisbah penyumbang artikel yang terdiri dari profesor ulung atau profesor akan menjadikan mutu dan populariti Jurnal al-Tamaddun akan lebih meningkat. Saya berkeyakinan bahawa ketua editor dan semua anggota sidang editor sudah memikirkan perkara tersebut dan diharap dengan data serta perbincangan yang terdapat dalam artikel ini dapat memberi gambaran jelas tentang penerbitan Jurnal al-Tamaddun. Masih terdapat beberapa aspek lagi yang boleh diperhalusi dalam tulisan yang akan datang berkaitan dengan Jurnal al-Tamaddun seperti bentuk kolaborasi, jenis sumber artikel, bentuk artikel dan sebagainya.

Walaupun masih terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki untuk menjadikan jurnal al-Tamaddun lebih berwibawa, namun pencapaian yang telah dicapai berbanding dengan usianya yang masih muda merupakan satu pencapaian pada tanda aras yang baik. Kini Jurnal al-Tamaddun mampu menjadi rujukan khususnya kepada mahasiswa dalam bidang pengajian sejarah dan tamadun Islam.

Rujukan

- Lawani, S. 1980. *Quality Collaboration and Citation in Cancer Research: A bibliometric Study*. (Ph.D. Dissertation) The Florida State University.
- A. R, Mohamad Jajuli. 2000. *Penerbitan Jurnal : Pengalaman DBP*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

¹⁰ Roosfa Hashim, *Pembangunan Jurnal Ilmiah Malaysia 1847-2007*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), 22

¹¹ *Jurnal al-Tamaddun*, (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM). Bil.5. Dis 2010. X

Raihanah A. & Asmak A.R. 2009, Fifteen years of Journal Syariah (1993-2007) : a bibliometric study, *Malaysian Journal of Library & Information Sciences*, Vol. 14, no. 3, Dec 2009

Robinson, M. D. 1991. Applied bibliometrics: Using citation analysis in the journal submission process. *Journal of the American Society for Information Science*. Vol. 42, Issue 4, 1991.

Roosfa Hashim. 2011. *Pembangunan Jurnal Ilmiah Malaysia 1847-2007*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya).

Shoyinka, P. 1984. Patterns of Journal Publications by Staff of the College of Medicine University of Ibadan. *Bulletin of the Medical Library Association*, 72, (2).

Laman web

Jurnal al-Tamaddun, <http://e-journal.um.edu.my/publish/JAT/Aabout>
<http://www.myjurnal.my/public/browse-journal-view.php?id=67>.

Journal of al-Tamaddun
<http://www.myjurnal.my/public/browse-journal-view.php?id=234>.